

227 mangsa banjir pindah

Paras air Sungai Golok cecah 10.14 meter lepassi paras bahaya

NORAIZURA AHMAD

RANTAU PANJANG – Seramai 227 mangsa banjir di sekitar Kampung Kedai Lama sudah mula berpindah ke stesen Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) membabitkan 70 keluarga.

Sehingga jam 4 petang semalam, paras air Sungai Golok mencecah 10.14 meter melepasi paras bahaya.

Tinjauan *Sinar Harian* mendapati, pekan Rantau Panjang sudah mula dinaiki air sehingga menyebabkan kesesakan lalu lintas ke kawasan tersebut.

Antara kawasan mula ditenggelami air di sini iaitu di Kampung Siram, Kampung Kelawar, Kampung Jeram Perdah, Kampung Tok Deh, Lubok Gong, Kampung Danga, Kubang



● Warga emas juga terpaksa meredah banjir untuk ke pusat pemindahan, semalam.

Kua, Lubok Stok, Panglima Bayu dan Kampung Jejawi mula ditenggelami air.

Setiausaha jawatankuasa Pengurusan Bencana dan Bantuan negeri Kelantan, Mohamad Roslee Mamat berkata, mangsa

banjir mula berpindah jam 1 tengah malam, kelmarin, selepas dibuka pada jam 12 tengah malam.

Menurutnya, mangsa yang kebanyakan dari Kampung Kedai Lama mula berpindah apabila rumah

mereka di naiki air lewat petang kelmarin.

"Kita menerima mangsa yang berpindah sejak lewat malam kelmarin dan menasihatkan orang ramai untuk berpindah sekiranya rumah mereka dinaiki air terutamanya mereka yang berada di kawasan yang rendah.

"Mereka nampaknya mematuhi arahan yang dikeluarkan dan memberi kerjasama yang baik untuk mengelakkan sebarang masalah nanti," katanya semalam.

Mohamad Roslee berkata, setakat semalam hanya satu pusat pemindahan yang dibuka iaitu di Stesen KTMB Kedai Lama.

Menurutnya, dua jalan ditutup untuk kenderaan ringan iaitu di Pohon Tanjung ke Jeram Perdah dan Lubok Stok ke Panglima Bayu.